

# Perkembangan wabak tuntutan strategi baharu lebih berkesan

**Bilangan** kes harian baharu COVID-19 masih lagi tinggi dan meningkat walaupun kerajaan sudah menguatkuasakan kembali Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Keadaan ini mengundang kerisauan dalam kalangan rakyat dan pihak terbabit secara langsung dalam urusan membendung pandemik ini.

Pelbagai pandangan diutarakan termasuk ada menyatakan peningkatan jumlah kes baharu ini menunjukkan kegagalan PKP dalam mengekang penularan COVID-19.

Berdasarkan laporan dikeluarkan Kementerian Kesihatan (KKM), sektor perkilangan dan pembinaan antara penyumbang utama kes baharu COVID-19 kebelakangan ini.

Ini mengundang desakan supaya kerajaan melaksanakan PKP lebih ketat dan menghentikan operasi sektor perkilangan serta pembinaan sehingga COVID-19 dapat dibendung.

Apa sekalipun, setiap keputusan berkaitan pelaksanaan PKP mendatangkan kesan berlawanan antara kesihatan dengan ekonomi.

PKP dijangka mampu membantu mengawal penularan COVID-19, tetapi mempunyai kesan negatif ketara terhadap ekonomi. Lantas, keputusan berkaitan PKP perlu mampu mengimbangi kesan kedua-dua aspek ini.

Pelaksanaan PKP lebih ketat akan menyaksikan banyak sektor ekonomi terpaksa menghentikan operasi hingga penularan COVID-19 dapat dikawal.

Walaupun tindakan ini mampu mengawal pandemik COVID-19, ia pasti mengakibatkan operasi perniagaan dan pendapatan syarikat terjejas.

Jika berterusan, ia boleh mengakibatkan pemberhentian pekerja dan penutupan operasi syarikat andai tidak mampu untuk terus bertahan.

Dalam konteks lebih besar, PKP lebih ketat mungkin menjejaskan pendapatan negara dan meningkatkan kadar pengangguran.

Antara langkah boleh diambil untuk mengawal pandemik tanpa memperkatakan PKP dan mengurangkan kesan negatif terhadap ekonomi adalah melalui penguatkuasaan prosedur standard operasi (SOP) lebih tegas.

Kebenaran syarikat untuk beroperasi perlulah diiringi kepatuhan syarikat terhadap SOP digariskan.

Tindakan lebih tegas dan denda lebih tinggi perlu diambil ke atas syarikat serta individu ingkar dan melanggar SOP.

Tindakan menggantung operasi boleh dikenakan jika kluster COVID-19 berlaku di premis akibat kecuaiannya mereka sendiri.

Pada masa sama, syarikat dan orang ramai perlu lebih bertanggungjawab memastikan SOP ini terpelihara.

Mereka tidak boleh berharap kepada pihak berkuasa semata-mata untuk mengawasi pematuhan SOP. Mana mungkin pihak berkuasa mampu memantau semua individu dan di seluruh kawasan di negara ini.

Dengan penguatkuasaan SOP lebih tegas, kerajaan mungkin boleh membenarkan sektor perkilangan meneruskan operasi.

Syaratnya, kepatuhan terhadap SOP

perlu diambil serius oleh kilang dan paling penting, pihak berkenaan perlu sedar yang mereka berhadapan tindakan tegas sekiranya didapati ingkar SOP ditetapkan.

Bagi memudahkan pematuhan, kilang mungkin hanya dibenarkan beroperasi dengan kehadiran pekerja minimum pada sesuatu masa. Sememangnya ini akan merendahkan aspek pengeluaran.

Bagaimanapun, kita perlu sedar sasaran utama yang perlu bagi kebanyakan syarikat ketika pandemik adalah untuk kekal berada dalam pasaran.

Kebenaran sama mungkin tidak tertakluk kepada sektor pembinaan. Pergerakan pekerja dalam sektor ini berbeza berbanding perkilangan lebih tersusun dalam satu premis dan lebih mudah dikawal selia.

Oleh itu, kebenaran beroperasi mungkin boleh diberikan kepada ope-

rasi pembinaan kritikal dan tidak membabitkan terlalu ramai pekerja.

Walaupun penguatkuasaan SOP penting dalam mengawal pandemik, kesedaran dan rasa tanggungjawab setiap individu, iaitu rakyat, ahli politik, pihak berkuasa dan pemerintah serta setiap syarikat dan firma adalah perlu untuk memastikan matlamat untuk mengekang penularan COVID-19 dapat dicapai.

Peningkatan kes baharu COVID-19 baru-baru ini bukan tanda kegagalan, tetapi lebih kepada isyarat untuk menukar strategi lain dijangka lebih berkesan bukan sahaja untuk mengawal penularan COVID-19, malah lebih mesra ekonomi.

**Penulis adalah** Profesor Madya di Sekolah Perniagaan dan Ekonomi (SPE), Universiti Putra Malaysia (UPM)



**Dr Saifuzzaman Ibrahim**



**Pelaksanaan PKP akibat penularan COVID-19 menyebabkan banyak premis menutup sementara operasi.** (Foto hiasan)